

PERATURAN PERTANDINGAN PING PONG

1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Ping Pong Penjara Malaysia

2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh _____

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan seramai sepuluh (10) orang pemain termasuk pemain simpanan menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.3 Pemain yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan pasukan tersebut dalam pertandingan ini akan dibatalkan secara automatik. Semua perlawanan sebelumnya yang disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

4. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Pertandingan akan diadakan pada _____ bertempat di lokasi _____

5. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

- 5.1 Setiap set perlawanan adalah menggunakan kiraan 11 mata dan maksima perlawanan adalah lima (5) set.
- 5.2 Bola 40mm Nittaku 3 bintang akan digunakan.
- 5.3 Tertakluk kepada Peraturan Am Sukan NRE.
- 5.4 Mengikut undang-undang Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM)

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Sekiranya terdapat penyertaan enam (6) pasukan atau lebih, ia akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu KUMPULAN A dan KUMPULAN B. Menang akan menerima 2 mata dan kalah 0 mata. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ke pertandingan separuh akhir secara menyilang. Pemenang akan bertemu di perlawanan akhir.
- 6.2 Sekiranya terdapat penyertaan sehingga dua belas (12) pasukan, ia akan dibahagikan kepada empat (4) kumpulan iaitu KUMPULAN A, B, C & D. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ke pertandingan suku akhir secara menyilang (Kumpulan A bertemu Kumpulan D dan Kumpulan B bertemu kumpulan C).
- 6.3 Jika kurang dari enam (6) pasukan, pertandingan liga satu (1) pusingan akan diadakan. Pasukan yang menang akan menerima dua (2) mata dan kalah kosong (0) mata.

7. FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1 Susunan permainan adalah seperti berikut:
 - i. Tiga (3) perseorangan lelaki
 - ii. Satu (1) beregu lelaki
 - iii. Satu (1) beregu campuran (pemain lelaki perlulah veteran)
- 7.2 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.
- 7.3 Pemain veteran perlulah berumur 40 tahun pada **1 Januari 200__**.

8. SUSUNAN PEMAIN/PERLAWANAN

- 8.1 Susunan perlawanan adalah seperti berikut:

- i. Perseorangan lelaki pertama
 - ii. Bergu campuran
 - iii. Perseorangan lelaki kedua
 - iv. Bergu lelaki
 - v. Perseorangan lelaki ketiga
- 8.2 Di dalam setiap satu perlawanan, masa tambahan lima (5) minit akan diberikan kepada pihak lawan sekiranya ia tidak berada di meja perlawanan pada masa yang ditetapkan.
- 8.3 Sekiranya pihak lawan gagal menepati masa tersebut, kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan yang menunggu.

9. JADUAL PERTANDINGAN

Akan diberikan pada hari pertandingan.

10. PENGADIL / UMPIRE

Pengadil / umpire bertauliah akan disediakan dari perlawanan pusingan awal sehingga perlawanan akhir.

11. BORANG SENARAI DAN SUSUNAN NAMA PEMAIN

- 11.1 Borang susunan nama pemain akan diberikan 10 minit sebelum sesuatu perlawanan dijalankan dan perlulah diserahkan kepada Urusetia Kejohanan 5 minit sebelum perlawanan bermula.
- 11.2 Tiada pertukaran pemain dibenarkan selepas borang ini diserahkan.

12. SISTEM PENENTU KEMENANGAN

- 12.1 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang memperolehi mata yang sama, maka kedudukan akan ditentukan seperti berikut:

laitu di mana bilangan set permainan yang menang dibahagikan dengan bilangan set yang kalah. Pasukan yang mempunyai nisbah tertinggi layak ke peringkat separuh akhir.

13. "WALK OVER"

Sekiranya mana-mana pasukan tidak menghantar borang senarai dan susunan pemain selepas 15 minit dari masa sebenar perlawanan, maka kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan. Segala rayuan mengenainya tidak akan dilayan.

14. KUASA

Urusetia Kejohanan mempunyai kuasa mutlak untuk memeriksa status pemain daripada pasukan yang bertanding sebelum perlawanan dijalankan berdasarkan kepada senarai pendaftaran pemain. Pasukan yang melanggar syarat-syarat pertandingan akan dibatalkan penyertaannya.

15. BANTAHAN

- 15.1 Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan tamat dan diajukan kepada Urusetia Kejohanan berserta wang pertaruhan sebanyak **RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja)**.
- 15.2 Wang pertaruhan akan dikembalikan sekiranya bantahan diterima.
- 15.3 Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan ditolak.
- 15.4 Semua keputusan dari Panel Rayuan adalah muktamad.
- 15.5 Panel Rayuan adalah terdiri daripada semua pengurus pasukan yang tidak terlibat dan akan bersidang sejourus rayuan diterima.
- 15.6 Keputusan rayuan akan dikemukakan secara bertulis kepada pengurus pasukan yang terlibat.